


Juzuk 30



*Terjemahan
Darul Huffaz*

أَلَمْ نَخْلُقْكُمْ مِنْ مَّاءٍ مَهِينٍ ﴿٢٠﴾ فَجَعَلْنَاهُ فِي قَرَارٍ مَكِينٍ ﴿٢١﴾ إِلَىٰ قَدَرٍ
 مَّعْلُومٍ ﴿٢٢﴾ فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ الْقَدِرُونَ ﴿٢٣﴾ وَيَلُّ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٢٤﴾
 أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ كِفَاتًا ﴿٢٥﴾ أَحْيَاءَ وَأَمْوَاتًا ﴿٢٦﴾ وَجَعَلْنَا فِيهَا رِوَاسِيَّ
 شِمَخَاتٍ وَأَسْقَيْنَاكُمْ مَّاءً فَرَاتًا ﴿٢٧﴾ وَيَلُّ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٢٨﴾
 أَنْطَلِقُوا إِلَىٰ مَا كُنْتُمْ بِهِ تَكْذِبُونَ ﴿٢٩﴾ أَنْطَلِقُوا إِلَىٰ ظِلِّ ذِي ثُلُثِ
 شُعْبٍ ﴿٣٠﴾ لَا ظَلِيلٍ وَلَا يُغْنِي مِنَ الْهَبِ ﴿٣١﴾ إِنَّا تَرْمِي بِشَرِّ
 كَالْقَصْرِ ﴿٣٢﴾ كَأَنَّهُ جِمَلَتٌ صُفْرٌ ﴿٣٣﴾ وَيَلُّ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٤﴾
 هَذَا يَوْمٌ لَا يَنْطِقُونَ ﴿٣٥﴾ وَلَا يُؤْذَنُ لَهُمْ فَيَعْبُدُونَ ﴿٣٦﴾ وَيَلُّ يَوْمَئِذٍ
 لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٧﴾ هَذَا يَوْمُ الْفَصْلِ جَمَعْنَاكُمْ وَالْأُولَىٰ نَ ﴿٣٨﴾ فَإِنْ كَانَ
 لَكُمْ كَيْدٌ فَيَكِيدُونَ ﴿٣٩﴾ وَيَلُّ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٠﴾ إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي
 ظِلِّلٍ وَعُيُونٍ ﴿٤١﴾ وَفَوْقَهُمْ مَّمَا شِئْتُمْ هُونَ ﴿٤٢﴾ كُلُّوْا وَأَشْرَبُوا هَنِيئًا
 بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾ إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٤٤﴾ وَيَلُّ يَوْمَئِذٍ
 لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٥﴾ كُلُّوْا وَتَمَنَّوْا قَلِيلًا إِنَّكُمْ جُحْرٌ مَّوْنٌ ﴿٤٦﴾ وَيَلُّ يَوْمَئِذٍ
 لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٧﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ارْكَعُوا لَا يَرْكَعُونَ ﴿٤٨﴾ وَيَلُّ
 يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٠﴾

20 Bukankah Kami telah menciptakan kamu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang?

21 Lalu Kami jadikan air (benih) itu pada tempat penetapan yang kukuh,

22 Hingga ke suatu masa yang termaklumi?

23 Serta Kami tentukan (keadaannya), maka kamilah sebaik-baik yang berkuasa menentukan dan melakukan (tiap-tiap sesuatu)!

24 Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (kekuasaan Kami)!

25 Bukankah Kami telah menjadikan bumi (sebagai tempat) penampung dan penghimpun (penduduknya)?

26 Yang hidup dan yang mati?

27 Dan Kami telah jadikan di bumi: Gunung-ganang yang menatapnya, yang tinggi menjulang; dan Kami telah memberi minum kepada kamu air yang tawar lagi memuaskannya dahaga?

28 Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (nikmat-nikmat pemberian Kami)!

29 (Dikatakan kepada mereka semasa ditimpakan dengan azab): Pergilah kepada azab yang dahulu kamu mendustakannya.

30 Pergilah kamu kepada naungan (asap Neraka) yang bercabang tiga.

31 Yang tidak dapat dijadikan naungan dan tidak dapat memberikan sebarang lindungan dari julangan api Neraka.

32 Sesungguhnya Neraka itu melemparkan bunga api, (yang besarnya) seperti bangunan besar,

33 (Banyaknya dan warnanya) bunga api itu seolah-olah rombongan unta kuning.

34 Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (keadaan yang demikian).

35 Inilah hari mereka tidak dapat berkata-kata, (kerana masing-masing terpinga-pinga ketakutan),

36 Dan tidak pula diizinkan mereka bercakap, maka mereka tidak dapat meminta maaf.

37 Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (hari akhirat)!

38 Inilah hari pemutusan hukum (yang menentukan siapa yang benar dan siapa yang salah). Kami himpungkan kamu bersama orang-orang yang terdahulu (dari kamu).

39 Oleh itu, kalau kamu ada sebarang tipu-helah melepaskan diri, maka cubalah kamu lakukan terhadap azabku.

40 Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (apa yang telah dijanjikan oleh Allah)!

41 Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa berada di tempat teduh (yang dipenuhi pelbagai nikmat) dan yang berdekatan dengan mata air-mata air (yang mengalir).

42 Serta menikmati buah-buahan dari segala jenis yang mereka ingini.

43 (Pada ketika itu dikatakan kepada mereka): Makanlah dan minumlah kamu dengan lazatnya, disebabkan apa yang kamu telah kerjakan.

44 Sesungguhnya, demikianlah Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan amal-amal yang baik.

45 Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (nikmat-nikmat Syurga)!

46 Makanlah dan bersenang-senanglah kamu (wahai orang-orang yang ingkar derhaka) sementara waktu hidup, (kemudian kamu akan menghadapi bahaya), kerana sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang berdosa.

47 Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (amaran Allah).

48 Dan apabila dikatakan kepada mereka (yang ingkar): Taatlah dan kerjakanlah sembahyang, mereka enggan mengerjakannya.

49 Kecelakaan besar, pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan (perintah-perintah Allah dan laranganNya)!

50 (Kalau mereka tidak juga mahu beriman kepada keterangan-keterangan yang tersebut) maka kepada perkataan yang mana lagi, sesudah itu, mereka mahu beriman?

- (1) Tentang apakah mereka bertanya-tanya?
- (2) Tentang berita yang besar.
- (3) Yang mereka berselisihan mengenai.
- (4) Sekali-kali jangan (mereka berselisih), mereka akan mengetahui.
- (5) Kemudian sekali-kali jangan, mereka akan mengetahui.
- (6) Bukankah Kami menjadikan bumi sebagai hamparan?
- (7) Dan gunung-ganang sebagai pasak?
- (8) Dan Kami telah cipta kamu berpasang-pasang?
- (9) Dan Kami telah jadikan tidur kamu untuk berehat?
- (10) Dan Kami telah menjadikan malam sebagai pakaian?
- (11) Dan Kami telah jadikan siang hari sebagai waktu untuk mencari rezeki?
- (12) Dan Kami telah bina di atas kamu tujuh petala (langit) yang kuat kukuh?
- (13) Dan Kami telah jadikan (matahari menjadi) lampu yang terang berderang?
- (14) Dan Kami telah turunkan dari awan, air (hujan) yang mencurah-curah.
- (15) Untuk Kami mengeluarkan dengan air itu, biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan.
- (16) Dan kebun-kebun yang lebat dan tebal dedaunnya.
- (17) Sesungguhnya hari pemutusan (hukum) itu, adalah satu masa yang ditentukan,
- (18) Hari ditiup sangkakala, lalu kamu (bangkit hidup) datang berbondong-bondong (ke Padang Mahsyar).
- (19) Dan telah dibuka langit seperti pintu-pintu (yang terbuka).

سُورَةُ النَّبَاِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

عَمَّ يَتَسَاءَلُونَ ﴿١﴾ عَنِ النَّبَاِ الْعَظِيمِ ﴿٢﴾ الَّذِي هُمْ فِيهِ مُخْتَلِفُونَ ﴿٣﴾

كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ﴿٤﴾ ثُمَّ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ﴿٥﴾ أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهْدًا ﴿٦﴾

وَالْجِبَالَ أَوْتَادًا ﴿٧﴾ وَخَلَقْنَاكُمْ أَزْوَاجًا ﴿٨﴾ وَجَعَلْنَا نَوْمَكُمْ سُبَاتًا ﴿٩﴾

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ لِبَاسًا ﴿١٠﴾ وَجَعَلْنَا النَّهَارَ مَعَاشًا ﴿١١﴾ وَبَنَيْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعًا شَدَادًا ﴿١٢﴾ وَجَعَلْنَا سِرَاجًا وَهَاجًا ﴿١٣﴾ وَأَنْزَلْنَا

مِنَ الْمُعْصِرَاتِ مَاءً ثَجَّاجًا ﴿١٤﴾ لِنُخْرِجَ بِهِ حَبًّا وَنَبَاتًا ﴿١٥﴾ وَجَنَّاتٍ أَلْفَافًا ﴿١٦﴾ إِنَّ يَوْمَ الْفَصْلِ كَانَ مِيقَاتًا ﴿١٧﴾ يَوْمَ يُفْخِخُ فِي الصُّورِ فَنَأْتُونَ أَفْوَاجًا ﴿١٨﴾ وَفُتِحَتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ أَبْوَابًا ﴿١٩﴾ وَسُيِّرَتِ الْجِبَالُ فَكَانَتْ سَرَابًا ﴿٢٠﴾ إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ﴿٢١﴾ لِلطَّاغِيْنَ

مَثَابًا ﴿٢٢﴾ لِيَبْثِنَ فِيهَا أَحْقَابًا ﴿٢٣﴾ لَا يَدْخُلُونَهَا فِيهَا بَرْدٌ وَلَا شَرَابٌ ﴿٢٤﴾ إِلَّا الْأَحْمِيمَ وَأَغْسَاقًا ﴿٢٥﴾ جَزَاءً وَفَاقًا ﴿٢٦﴾ إِنَّهُمْ كَانُوا لَا يَرْجُونَ حِسَابًا ﴿٢٧﴾ وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا كِذَابًا ﴿٢٨﴾ وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ كِتَابًا ﴿٢٩﴾ فَذُوقُوا فَلَنْ نَزِيدَكُمْ إِلَّا عَذَابًا ﴿٣٠﴾



- (20) Dan gunung-ganang telah digerakkan seperti fatamorgana (bayangan air di padang pasir kerana panas matahari).
- (21) Sesungguhnya neraka Jahannam adalah disediakan.
- (22) Untuk orang-orang yang melampaui batas hukum Tuhan, sebagai tempat kembalinya.
- (23) Mereka tinggal di dalamnya berkurun-kurun lamanya.
- (24) Mereka tidak dapat merasai udara yang sejuk di dalamnya, dan tidak pula sebarang minuman.
- (25) Kecuali air panas yang mengelegak dan cecair kotoran badan (seperti nanah, muntah dan sebagainya).
- (26) Sebagai balasan yang setimpal.
- (27) Sesungguhnya mereka dahulu tidak mengharap hari hitungan amal.
- (28) Dan mereka telah mendustakan dengan sedusta-dustanya ayat-ayat keterangan Kami.
- (29) Dan tiap-tiap sesuatu Kami telah hitung secara bertulis (dengan teliti).
- (30) Maka rasakan lah kamu (azab yang disediakan), dan Kami tidak akan menambah kecuali azab kepada kamu.

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ مَفَازًا ﴿٣١﴾ حَدَائِقَ وَأَعْنَابًا ﴿٣٢﴾ وَكَوَاعِبَ أَتْرَابًا ﴿٣٣﴾ وَكَأْسًا
 دِهَاقًا ﴿٣٤﴾ لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا كِدَابًا ﴿٣٥﴾ جَزَاءً مِّن رَّبِّكَ عَطَاءً
 حِسَابًا ﴿٣٦﴾ رَبِّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا الرَّحْمَنِ لَا يَمْلِكُونَ
 مِنْهُ خِطَابًا ﴿٣٧﴾ يَوْمَ يَقُومُ الرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفًّا لَا يَتَكَلَّمُونَ
 إِلَّا مَن أذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَقَالَ صَوَابًا ﴿٣٨﴾ ذَلِكَ الْيَوْمَ الْحَقُّ فَمَن
 شَاءَ اتَّخَذْ إِلَىٰ رَبِّهِ مَثَابًا ﴿٣٩﴾ إِنَّا أَنْذَرْنَاكُمْ عَذَابًا قَرِيبًا يَوْمَ
 يَنْظُرُ الْمَرْءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ وَيَقُولُ الْكَافِرُ يَا لَيْتَنِي كُنْتُ تُرَابًا ﴿٤٠﴾

سُورَةُ النَّازِعَاتِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالنَّازِعَاتِ غَرْاقًا ﴿١﴾ وَالنَّشِيطَاتِ نَشْطًا ﴿٢﴾ وَالسَّيِّحَاتِ سَبْحًا ﴿٣﴾
 فَالسَّيِّدَاتِ سَبْقًا ﴿٤﴾ فَالْمُدْبِرَاتِ أَمْرًا ﴿٥﴾ يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ ﴿٦﴾
 تَتَّبِعُهَا الرَّادِفَةُ ﴿٧﴾ قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ ﴿٨﴾ أَبْصَرُهَا
 خَشِيعَةٌ ﴿٩﴾ يَقُولُونَ أَيْنَا الْمَرْدُودُونَ فِي الْكَافِرَةِ ﴿١٠﴾ أَيْنَا ذَاكُنَا
 عِظْمًا نَّخْرَةً ﴿١١﴾ قَالُوا تِلْكَ إِذًا كَرَّةٌ خَاسِرَةٌ ﴿١٢﴾ فَإِنَّمَا هِيَ زَجْرَةٌ
 وَاحِدَةٌ ﴿١٣﴾ فَإِذَا هُمْ بِالسَّاهِرَةِ ﴿١٤﴾ هَلْ أَنتَكَ حَدِيثٌ مُّوسَىٰ ﴿١٥﴾

(31) Sesungguhnya untuk orang-orang yang bertaqwa, kemenangan yang disediakan (Syurga).

(32) Taman-taman dan kebun-kebun anggur

(33) Dan perawan-perawan yang sebaya umurnya.

(34) Dan gelas yang penuh dengan minuman.

(35) Mereka tidak mendengar di dalam Syurga itu perkataan yang sia-sia, dan tiada pula perkataan yang dusta.

(36) Sebagai balasan dari Tuhanmu iaitu anugerah yang cukup untuk mereka.

(37) Tuhan (empunya) langit dan bumi serta apa yang ada di antara keduanya, Yang Maha Pemurah, tiadalah mereka diberi kuasa berkata-kata denganNya (untuk memohon syafaat).

(38) Hari dimana Ruh (Jibril) dan malaikat-malaikat yang lain berdiri bersaf-saf, mereka tidak berkata-kata melainkan yang telah diizinkan baginya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah, serta ia berkata benar.

(39) Itulah hari yang benar; maka sesiapa yang mahu (kebaikan dirinya), ambillah jalan kembali kepada Tuhannya.

(40) Sesungguhnya Kami memberi amaran kepada kamu mengenai azab yang dekat, iaitu hari seseorang melihat apa yang telah diusahakannya; dan orang yang kafir akan berkata, "Alangkah baiknya kalau aku menjadi tanah".

(79) SURAH AN-NAAZI'AAT

(Makhluk-makhluk yang mencabut apa yang ditugaskan mencabutnya)

Diturunkan di Mekah

(1) Demi yang mencabut (roh) dengan keras.

(2) Dan (demi) yang mengeluarkan (roh) dengan perlahan.

(3) Dan (demi) yang bergerak (malaikat) dengan gerak yang cergas (dari langit ke bumi).

(4) Dan (demi) yang berlumba-lumba (menjalankan tugasnya) dengan cara yang sungguh-sungguh.

(5) Dan (demi) yang mentadbir urusan (alam).

(6) Hari dimana bergoncang yang bergoncang (bumi).

(7) Mengikutinya (perkara) yang diikuti (tiupan yang kedua)

(8) Hati-hati pada hari tersebut berdebar-debar takut.

(9) Pandangan-pandangan tunduk (kerana gerun).

(10) Mereka (yang ingkar) berkata: "Adakah kita akan dikembalikan hidup seperti awal (sebelum kita mati)?"

(11) "Adakah apabila kami sudah menjadi tulang-belulang yang hancur (kita dihidupkan semula)?"

(12) Mereka berkata (secara mengejek) : "Kalaulah demikian, sudah tentu kembalinya kita (hidup semula) itu satu perkara yang merugikan,"

(13) Sesungguhnya ia (menghidupkan semula) hanyalah dengan satu jeritan.

(14) Maka serta-merta mereka berada di muka bumi yang putih rata.

(15) Adakah sudah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal berita Nabi Musa?

(16) Ketika Tuhannya menyerunya di "Wadi Tuwa" سُورَةُ النَّازِعَاتِ yang suci;

(17) Pergilah kepada Fir'aun, sesungguhnya ia telah melampaui batas.

(18) Maka katakanlah (kepadanya): Adakah engkau mahu mensucikan (dirimu dari kekufuran)?

(19) (Dan mahukah) aku tunjuk kepadamu (jalan mengenal) Tuhanmu, agar engkau merasa takut (dari melanggar perintahNya)?

(20) Maka Nabi Musa memperlihatkan kepada Fir'aun mu'jizat yang besar.

(21) Lalu Fir'aun mendustakan (Nabi Musa) dan derhaka.

(22) Kemudian ia berpaling ingkar sambil menjalankan usahanya (menentang Nabi Musa).

(23) Lalu ia menghimpunkan (orang-orangnya) dan menyeru.

(24) Dan ia berkata: "Akulah tuhan kamu, yang tertinggi".

(25) Maka Allah mengambilnya (menyeksa) di akhirat dan di dunia.

(26) Sesungguhnya yang demikian itu benar-benar satu pelajaran bagi orang-orang yang takut (melanggar perintah Tuhannya).

(27) Adakah kamu yang lebih sukar diciptakan atau langit? Dia (Allah) telah membinanya (dengan kukuh).

(28) Dia telah meninggikan letak langit itu dan telah menyempurnakannya.

(29) Dan Dia menutupi malamnya (menjadi gelap gelita), dan mengeluarkan siangya (terang benderang).

(30) Dan bumi sesudah itu dihamparkannya.

(31) Dia mengeluarkan dari bumi airnya dan tumbuh-tumbuhannya.

(32) Dan gunung-ganang pula dikukuhkan letaknya.

(33) (Semuanya itu) untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu.

(34) Maka apabila datang hari yang bencananya amat besar.

(35) Hari dimana manusia akan mengingati apa yang telah diusahakannya.

(36) Dan diperlihatkan neraka Jahim) kepada sesiapa sahaja yang melihatnya

(37) Maka adapun orang yang melampau.

(38) Dan ia mengutamakan kehidupan dunia.

(39) Maka sesungguhnya neraka Jahim tempat kediamannya.

(40) Dan adapun orang yang takutkan keadaan sewaktu ia berdiri di hadapan Tuhannya, (untuk dihitung amalnya), serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu.

(41) Maka sesungguhnya Syurgalah tempat kediamannya.

(42) Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang hari kiamat: "Bilakah masa terjadinya?" 42

(43) Siapakah dan bagaimanakah engkau untuk menerangkan (masa kedatangan hari kiamat itu)?

(44) Kepada Tuhanmulah terserah kesudahan (ilmu mengenainya).

(45) Sesungguhnya engkau hanya pemberi amaran kepada orang yang takut (akan hari kiamat itu).

(46) Seolah-olah pada hari mereka melihatnya (keadaan hari Kiamat), mereka tidak tinggal (di dunia) melainkan sekadar satu petang atau paginya sahaja.

سُورَةُ النَّازِعَاتِ

إِذْ نَادَاهُ رَبُّهُ بِأَلْوَادِ الْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٦﴾ أَذْهَبَ إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَى ﴿١٧﴾
 فَقُلْ هَلْ لَكَ إِلَهٌ إِلَّا أَنْ تَرْكَبُنِي ﴿١٨﴾ وَأَهْدِيكَ إِلَى رَبِّكَ فَخَشَى ﴿١٩﴾ فَأَرَاهُ
 آيَةَ الْكُبْرَى ﴿٢٠﴾ فَكَذَّبَ وَعَصَى ﴿٢١﴾ ثُمَّ أَذْبَرَ سَعْيَهُ ﴿٢٢﴾ فَحَشَرَ
 فَنَادَى ﴿٢٣﴾ فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمُ الْأَعْلَى ﴿٢٤﴾ فَأَخَذَهُ اللَّهُ تَكَالُفِ الْأَوْثَانِ
 ﴿٢٥﴾ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِمَنْ يَخْشَى ﴿٢٦﴾ أَنْتُمْ أَشَدُّ حَقًّا أَمِ السَّمَاءُ بَنَاهَا
 ﴿٢٧﴾ رَفَعَ سَمَكَهَا فَسَوَّيْنَاهَا ﴿٢٨﴾ وَأَغْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ ضُحَاهَا ﴿٢٩﴾
 وَالْأَرْضَ بَعْدَ ذَلِكَ دَحَاهَا ﴿٣٠﴾ أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَاهَا ﴿٣١﴾
 وَالْجِبَالَ أَرْسَاهَا ﴿٣٢﴾ مَنَّاعًا لَكُمْ وَلَا تُعْمِكُمْ ﴿٣٣﴾ فَإِذَا جَاءَتِ الطَّامَةُ
 الْكُبْرَى ﴿٣٤﴾ يَوْمَ يَتَذَكَّرُ الْإِنْسَانُ مَا سَعَى ﴿٣٥﴾ وَبُرُزَّتِ السَّجْدُ
 لِمَنْ يَرَى ﴿٣٦﴾ فَأَمَّا مَنْ طَغَى ﴿٣٧﴾ وَءَاثَرَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ﴿٣٨﴾ فَإِنَّ الْجَحِيمَ
 هِيَ الْمَأْوَى ﴿٣٩﴾ وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ
 ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى ﴿٤١﴾ يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا
 ﴿٤٢﴾ فِيمَ أَنْتَ مِنْ ذِكْرِهَا ﴿٤٣﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ مُنْهَاهَا ﴿٤٤﴾ إِنَّمَا أَنْتَ مُنذِرٌ
 مَنْ يَخْشَاهَا ﴿٤٥﴾ كَانَتْهُمْ يَوْمَ بَرُورِهَا لَمْ يَلْبِسُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ ضُحَاهَا ﴿٤٦﴾

سُورَةُ عَبَسَ



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

عَبَسَ وَتَوَلَّى ۝١ أَن جَاءَهُ الْأَعْمَى ۝٢ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزْزِي ۝٣ أَوْ
يَذْكُرُ فَنتَفَعَهُ الذِّكْرَى ۝٤ أَمَا مِنْ أُسْتغْنَى ۝٥ فَانْتَ لَهُ تَصَدَّى ۝٦
وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزْكِي ۝٧ وَأَمَا مِنْ جَاءَ لَيْسَعَى ۝٨ وَهُوَ يَخْشَى ۝٩ فَانْتَ
عَنْهُ لَهَي ۝١٠ كَلَّا إِنَّمَا نَذْكُرُهُ ۝١١ فَمَنْ شَاءَ ذَكَرْهُ ۝١٢ فِي صُحُفٍ مُّكَرَّمَةٍ
مَّرْفُوعَةٍ مُّطَهَّرَةٍ ۝١٤ بِأَيْدِي سَفَرَةٍ ۝١٥ كِرَامٍ بَرَرَةٍ ۝١٦ قُلْ لِلْإِنْسَانِ
مَا أَكْفَرَهُ ۝١٧ مِنْ أَيِّ شَيْءٍ خَلَقَهُ ۝١٨ مِنْ نُّطْفَةٍ خَلَقَهُ فَقَدَّرَهُ ۝١٩ ثُمَّ
السَّبِيلَ يَسَّرَهُ ۝٢٠ ثُمَّ أَمَانَهُ وَأَقْبَرَهُ ۝٢١ ثُمَّ إِذَا شَاءَ أَنْشَرَهُ ۝٢٢ كَلَّا لَمَّا
يَقِضْ مَا أَمَرَهُ ۝٢٣ فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ إِلَى طَعَامِهِ ۝٢٤ أَنَا صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا
۝٢٥ ثُمَّ شَقَقْنَا الْأَرْضَ شَقًّا ۝٢٦ فَأَبْنَا فِيهَا حَبًّا ۝٢٧ وَعَبْنَا وَقَضَبًّا ۝٢٨
وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ۝٢٩ وَحَدَائِقَ غُلْبًا ۝٣٠ وَفَلَكِهِمْ وَأَبًّا ۝٣١ مَتَاعًا كُفْرًا
وَلَا نَعْمَكُمْ ۝٣٢ فَإِذَا جَاءَتِ الصَّاحَةُ ۝٣٣ يَوْمَ نِفْرُ الْمَرْءِ مِنْ أَخِيهِ ۝٣٤
وَأُمِّهِ وَأَبِيهِ ۝٣٥ وَصَحْبِنِهِ وَبَنِيهِ ۝٣٦ لِكُلِّ أَمْرٍ مِنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ
يَعْنِيهِ ۝٣٧ وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفَرَةٌ ۝٣٨ ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ۝٣٩ وَوُجُوهٌ
يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ ۝٤٠ تَرَهَقُهَا قَرَةٌ ۝٤١ أُولَئِكَ هُمُ الْكُفْرَةُ الْفَجْرَةُ ۝٤٢

- (1) Dia memasamkan muka dan berpaling.
- (2) Kerana didatangi orang buta.
- (3) Dan adakah engkau mengetahui barangkali ia mahu membersihkan (hatinya).
- (4) Atau ia (mendapat) peringatan, lalu peringatan itu berguna untuknya.
- (5) Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup.
- (6) Maka engkau melayaninya.
- (7) Padahal engkau tidak bersalah kalau ia tidak mahu membersihkan (dirinya).
- (8) Adapun orang yang datang kepadamu dengan berusaha.
- (9) Sedang ia berasa takut.
- (10) Maka engkau berlengah-lengah (melayaninya).
- (11) Jangan (bersifat demikian)! Sesungguhnya ia (ayat-ayat Al-Qur'an) adalah peringatan.
- (12) Maka siapa yang mahu, ia mengingatkannya.
- (13) Di dalam kitab-kitab yang dimuliakan.
- (14) Yang ditinggikan dan disucikan.
- (15) Di tangan para penulis (malaikat).
- (16) Yang mulia, lagi baik.
- (17) Celakalah manusia, alangkah kufurnya ia.
- (18) Dari apakah ia diciptakan?
- (19) Dari setitis air mani Dia (Allah) ciptakannya dan tentukan (bentuknya).
- (20) Kemudian Dia (Allah) mudahkan untuknya jalan (baik dan jahat).
- (21) Kemudian Dia (Allah) matikannya, lalu ia (manusia) dikuburkan.
- (22) Kemudian apabila Dia hendak, Dia bangkitkannya.
- (23) Janganlah (manusia sombong), manusia belum menunaikan apa yang Allah perintahkan kepadanya.
- (24) Maka hendaklah manusia melihat kepada makanannya.
- (25) Sesungguhnya Kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang melimpah-limpah.
- (26) Kemudian Kami membelah bumi dengan belahan.

- (27) Lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian.
- (28) Dan buah anggur serta sayur-sayuran,
- (29) Dan buah Zaitun serta pohon-pohon korma,
- (30) Dan kebun-kebun yang besar (lebat)
- (31) Dan buah-buahan serta bermacam-macam rumput.
- (32) Untuk kegunaan (makanan) kamu dan binatang-binatang ternak kamu.
- (33) Maka apabila datang suara yang dahsyat.
- (34) Hari dimana seseorang itu lari dari saudaranya.
- (35) Dan ibunya dan bapanya.
- (36) Dan isterinya serta anak-anaknya.
- (37) Bagi setiap seorang dari mereka pada hari itu, ada urusan yang cukup menyibukkannya.
- (38) Beberapa muka pada hari itu berseri-seri.
- (39) Ketawa, gembira.
- (40) Dan beberapa muka pada hari itu penuh berdebu.
- (41) Ditutup oleh warna hitam.
- (42) Mereka itu ialah orang-orang yang kafir, yang jahat.


- (1) Apabila matahari digulung.
- (2) Dan apabila bintang-bintang berjatuhan.
- (3) Dan apabila gunung-gunang berterbangan.
- (4) Dan apabila unta-unta yang bunting ditinggalkan (dibiarkan).
- (5) Dan apabila binatang liar dikumpulkan.
- (6) Dan apabila lautan menggelegak panas.
- (7) Dan apabila jiwa-jiwa dipadankan (ruh dikembalikan ke badan).
- (8) Dan apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup disoal.
- (9) Kerana dosa apakah ia dibunuh.
- (10) Dan apabila buku-buku (catatan) disebar.
- (11) Dan apabila langit dikupas (dihilangkan penutupnya).
- (12) Dan apabila neraka Jahim dinyalakan.
- (13) Dan apabila syurga didekatkan.
- (14) (Ketika tersebut) setiap jiwa akan tahu apa yang telah dia sediakan (untuk hari akhirat).
- (15) Maka aku bersumpah dengan Khunnas (bintang yang bergerak pada siang hari tetapi tidak dapat dilihat dengan mata).
- (16) Yang bergerak (pada waktu malam) dan bersembunyi (hilang dari pandangan setelah tiba waktu pagi).
- (17) Dan malam apabila berlalu (meninggalkan).
- (18) Dan subuh apabila menjadi terang (menyingsing).
- (19) Sesungguhnya ia benar-benar adalah perkataan Rasul yang mulia (malaikat Jibril).
- (20) Yang mempunyai kekuatan dan kemuliaan di sisi (Tuhan) yang mempunyai Arasy.
- (21) Yang ditaati di sana lagi dipercayai.
- (22) Dan kawan kamu itu bukanlah gila.
- (23) Dan demi sesungguhnya ia (Rasulullah) telah melihatnya (malaikat Jibril) di ufuk yang nyata.
- (24) Dan ia (Rasulullah) tidak lokek dengan perkara yang ghaib.
- (25) Dan bukanlah ia (Al-Quran) perkataan Syaithan yang direjam.
- (26) Maka kemana kamu hendak pergi?
- (27) Tidaklah ia (Al-Quran) melainkan peringatan untuk sekalian alam.
- (28) Untuk sesiapa dari kamu yang hendak lurus (perjalanannya).
- (29) Dan tidaklah kamu menghendaki sesuatu kecuali Allah Tuhan sekalian alam yang menghendaki.

سُورَةُ التَّكْوِيْنِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ ۝١ وَإِذَا النُّجُومُ انْكَدَرَتْ ۝٢ وَإِذَا الْجِبَالُ
سَيْرَتْ ۝٣ وَإِذَا الْعِشَارُ عُطِّلَتْ ۝٤ وَإِذَا الْوُحُوشُ حُشِرَتْ
۝٥ وَإِذَا الْبِحَارُ سُجِّرَتْ ۝٦ وَإِذَا النُّفُوسُ زُوِّجَتْ ۝٧ وَإِذَا
الْمَوءُ دَدٌ سِيلَتْ ۝٨ يَا أَيُّ ذُنُبٍ فَنِلَتْ ۝٩ وَإِذَا الصُّحُفُ نُشِرَتْ
۝١٠ وَإِذَا السَّمَاءُ كُشِطَتْ ۝١١ وَإِذَا الْجَحِيمُ سُعِرَتْ ۝١٢ وَإِذَا الْجَنَّةُ
أُزْلِفَتْ ۝١٣ عَلِمَتْ نَفْسٌ مَّا أَحْضَرَتْ ۝١٤ فَلَا أُقْسِمُ بِالْخَنَسِ ۝١٥
الْجَوَارِ الْكُنَسِ ۝١٦ وَاللَّيْلِ إِذَا عَسْعَسَ ۝١٧ وَالصُّبْحِ إِذَا تَنَفَّسَ ۝١٨
إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ۝١٩ ذِي قُوَّةٍ عِنْدَ ذِي الْعَرْشِ مَكِينٍ ۝٢٠ مُطَاعٍ
ثُمَّ آمِينٍ ۝٢١ وَمَا صَاحِبُكُمْ بِمَجْنُونٍ ۝٢٢ وَقَدَرْنَا لَهُ بِالْأَفْقِ الْمَبِينِ
۝٢٣ وَمَا هُوَ عَلَى الْغَيْبِ بِضَنِينٍ ۝٢٤ وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَيْطَانٍ رَجِيمٍ ۝٢٥
فَأَيْنَ تَذْهَبُونَ ۝٢٦ إِنَّ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ ۝٢٧ لِمَنْ شَاءَ مِنْكُمْ أَنْ
يَسْتَقِيمَ ۝٢٨ وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ۝٢٩

سُورَةُ الْاِنْفِطَارِ



- (1) Apabila langit terbelah.
- (2) Dan apabila bintang-bintang jatuh berserak.
- (3) Dan apabila lautan melimpah ruah.
- (4) Dan apabila kubur-kubur dibongkar.
- (5) (Ketika tersebut) setiap jiwa tahu apa yang telah didahulukan dan apa yang dikemudiankan.
- (6) Wahai manusia! Apakah yang memperdayakan engkau terhadap Tuhanmu yang Maha Pemurah? 6
- (7) Yang telah menciptakan engkau lalu menyempurnakan (kejadianmu) lalu menjadikan tubuhmu seimbang.
- (8) Dalam apa sahaja bentuk yang Ia kehendaki untuk membentukmu.
- (9) Jangan (engkau tertipu dengan sebab kejahilanmu)! Bahkan kamu mendustakan hari pembalasan.
- (10) Dan sesungguhnya atas kamu benar-benar ada penjaga-penjaga.
- (11) Yang mulia, yang menulis (segala perbuatan).
- (12) Mereka mengetahui apa yang kamu kerjakan.
- (13) Sesungguhnya orang-orang baik benar-benar di dalam kenikmatan.
- (14) Dan sesungguhnya orang-orang jahat benar-benar di dalam neraka.
- (15) Mereka akan masuk ke dalamnya di hari pembalasan.
- (16) Dan tiadalah mereka dapat melepaskan diri darinya.
- (17) Dan adakah engkau mengetahui apakah hari pembalasan?
- (18) Kemudian adakah engkau

mengetahui apakah itu hari pembalasan?

- (19) Hari dimana seseorang tidak berkuasa atas seorang yang lain sedikitpun. Dan segala urusan (perintah) pada hari tersebut adalah bagi (milik) Allah.

(83) SURAH AL-MUTAFFIFIIN
(Orang orang yang curang dalam timbangan dan sukatan)
Diturunkan di Mekah

- (1) Celaka bagi orang-orang yang menipu timbangan.
- (2) Orang-orang yang apabila menerima sukatan dari orang lain (untuk diri mereka sendiri) mereka akan minta ditunaikan (denganukupnya).
- (3) Dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.
- (4) Tidakkah mereka menyangka bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan?
- (5) Untuk hari yang besar.
- (6) Hari dimana manusia akan berdiri di hadapan Tuhan sekalian alam.
- 6 Hari berdiri manusia untuk mengadap Tuhan sekalian alam?

(7) Jangan (melakukan penipuan dalam sukatan dan timbangan)! Sesungguhnya kitab orang-orang jahat itu benar-benar di Sijjin (tempat yang hina).

(8) Dan adakah engkau mengetahui apakah itu Sijjin?

(9) Kitab yang ditulis.

(10) Celakalah pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan.

(11) Mereka yang mendustakan hari pembalasan.

(12) Dan tidak mendustakannya kecuali setiap yang melampau batas, lagi berdosa.

(13) Apabila dibaca keatasnya ayat-ayat Kami, ia berkata: Itu dongeng-dongeng orang dahulu.

(14) Janganlah (menyangka demikian)! Bahkan perbuatan mereka telah menutup hati mereka.

(15) Janganlah (menyangka mereka dapat dekat dengan Tuhan kamu)! Sesungguhnya mereka benar-benar terdinding dari Tuhan mereka para hari tersebut.

(16) Sesungguhnya mereka kemudian akan benar-benar masuk neraka (Jahim).

(17) Kemudian dikatakan (kepada mereka) : Inilah ia yang kamu dustakan.

(18) Jangan! Sesungguhnya kitab orang-orang yang baik benar-benar di 'Illiyin' (tempat tinggi).

(19) Dan adakah engkau mengetahui apakah itu 'Illiyun'?

(20) Kitab yang ditulis.

(21) Disaksikan oleh orang-orang yang dekat.

(22) Sesungguhnya orang-orang baik benar-benar di dalam kenimatan.

(23) Mereka melihat dari atas singhsana (tempat duduk yang terhias).

(24) Engkau nampak tanda kenimatan di wajah-wajah mereka.

(25) Mereka diberi minuman dari arak yang bersih (arak Syurga) yang ditutup.

(26) Tutupnya dari kasturi. Dan dalam hal tersebut hendaklah berlumba-lumba orang-orang yang berlumba.

(27) Dan campurannya dari Tasnim.

(28) Iaitu mata air yang diminum oleh orang-orang yang dekat (dengan Allah).

(29) Sesungguhnya orang-orang yang berdosa, dahulu mereka mentertawakan orang-orang yang beriman.

(30) Dan apabila mereka lalu dihadapan mereka (orang-orang yang beriman), mereka mengejek dengan mata dan muka mereka mengejek.

(31) Dan apabila mereka kembali ke ahli keluarga mereka, mereka kembali dengan ketawa gembira.

(32) Dan apabila mereka melihat mereka (orang-orang yang beriman) mereka berkata : Sesungguhnya mereka itu benar-benar orang-orang yang sesat.

(33) Padahal mereka tidak diutus untuk menjadi penjaga (orang-orang yang beriman).

(34) Maka pada hari ini orang-orang yang beriman akan ketawakan orang-orang yang kafir.

كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْفَجَارِ لَفِي سِجِّينٍ ﴿٧﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا سِجِّينٌ ﴿٨﴾ كِتَابٌ مَّرْقُومٌ ﴿٩﴾ وَيَلُّ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ يَكْذِبُونَ يَوْمَ الْبُيُوتِ الَّذِينَ ﴿١١﴾ وَمَا يَكْذِبُ بِهِ إِلَّا كُلُّ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾ إِذَا نُنَادَىٰ عَلَيْهِ إِيَّا نُنَادَىٰ قَالَ أَسْطُرُ الْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾ كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾ كَلَّا إِنَّهُمْ عَنْ رَبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّمْ حَاجِبُونَ ﴿١٥﴾ ثُمَّ إِنَّهُمْ لَصَالُوا الْجَحِيمِ ﴿١٦﴾ ثُمَّ يُقَالُ هَذَا الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ ﴿١٧﴾ كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْأَبْرَارِ لَفِي عِلِّيِّينَ ﴿١٨﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا عِلِّيُّونَ ﴿١٩﴾ كِتَابٌ مَّرْقُومٌ ﴿٢٠﴾ يَشْهَدُهُ الْمُقَرَّبُونَ ﴿٢١﴾ إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ ﴿٢٢﴾ عَلَى الْأَرَآئِكِ يَنْظُرُونَ ﴿٢٣﴾ تَعْرِفُ فِي وُجُوهِهِمْ نَضْرَةَ النَّعِيمِ ﴿٢٤﴾ يُسْقَوْنَ مِنْ رَحِيقٍ مَّخْتُومٍ ﴿٢٥﴾ خِتْمُهُ مِسْكَ وَفِي ذَٰلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ الْمُتَنَفِسُونَ ﴿٢٦﴾ وَمَنْ أَجَاهُ مِنْ تَسْنِيمٍ ﴿٢٧﴾ عَيْنَا يَشْرَبُ بِهَا الْمُقَرَّبُونَ ﴿٢٨﴾ إِنَّ الَّذِينَ أَجْرَمُوا كَانُوا مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا يَضْحَكُونَ ﴿٢٩﴾ وَإِذَا مَرُّوا بِهِمْ يَتَغَامِرُونَ ﴿٣٠﴾ وَإِذَا انْقَلَبُوا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ انْقَلَبُوا فَكِهِينَ ﴿٣١﴾ وَإِذَا رَأَوْهُمْ قَالُوا إِنَّ هَٰؤُلَاءِ لَضَالُّونَ ﴿٣٢﴾ وَمَا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ حَفِظِينَ ﴿٣٣﴾ فَالْيَوْمَ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنَ الْكُفَّارِ يَضْحَكُونَ ﴿٣٤﴾

سُورَةُ الْمُطَفِّفِينَ عَلَى ثَلَاثِ آيَاتٍ

(35) Mereka melihat dari atas singgahsana (tempat duduk yang terhias).

(36) Adakah dibalas orang-orang kafir atas apa yang mereka telah kerjakan?

(84) SURAH AL-INSYIQAQ

(Terbelah)

Diturunkan di Mekah

- (1) Apabila langit terbelah.
- (2) Serta mematuhi perintah Tuhannya, dan sudah semestinya dia patuh.
- (3) Dan apabila bumi diratakan.
- (4) Dan dia membuang apa yang ada di dalamnya dan dia menjadi kosong.
- (5) Serta mematuhi perintah Tuhannya, dan sudah semestinya dia patuh.
- (6) Wahai manusia! Sesungguhnya engkau sentiasa bekerja keras dengan sungguh-sungguh menuju kepada Tuhanmu, dan engkau akan menemuinya.
- (7) Maka sesiapa yang diberi kitab catitannya dari sebelah kanannya.
- (8) Maka dia akan dihisab dengan cara yang mudah.
- (9) Dan dia akan kembali kepada keluarganya (yang beriman) dengan gembira.
- (10) Dan sesiapa yang diberi kitab catitannya dari belakang badannya.
- (11) Maka dia akan menyeru kesengsaraan dan kebinasaan.
- (12) Dan dia akan masuk dalam api yang menyala.
- (13) Sesungguhnya dia dahulu bersuka-ria bersama keluarganya (yang juga kufur ingkar).
- (14) Sesungguhnya dia menyangka bahawa dia tidak sekali-kali akan kembali (kepada

عَلَى الْأَرَابِكِ يُظْهِرُونَ ﴿٣٥﴾ هَلْ ثُوِّبَ الْكُفَّارُ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

سُورَةُ الْاِنْشِقَاقِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا السَّمَاءُ انْشَقَّتْ ﴿١﴾ وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٢﴾ وَإِذَا الْأَرْضُ مُدَّتْ ﴿٣﴾ وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ ﴿٤﴾ وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٥﴾ يَتَأَيَّهَا الْإِنْسَانُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَى رَبِّكَ كَدًّا حَافِلًا لِقِيهِ ﴿٦﴾ فَأَمَّا مَنْ أُوْتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ ﴿٧﴾ فَسَوْفَ يُحَاسِبُ حِسَابًا يَسِيرًا ﴿٨﴾ وَيَنْقَلِبُ إِلَى أَهْلِهِ مُسْرُورًا ﴿٩﴾ وَأَمَّا مَنْ أُوْتِيَ كِتَابَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ ﴿١٠﴾ فَسَوْفَ يَدْعُوا ثُبُورًا ﴿١١﴾ وَيَصْلَى سَعِيرًا ﴿١٢﴾ إِنَّهُ كَانَ فِي أَهْلِهِ مُسْرُورًا ﴿١٣﴾ إِنَّهُ دَخَلَ بِلَدِّهِ بِإِذْنِ رَبِّهِ، كَانَ بِهِ بَصِيرًا ﴿١٤﴾ فَلَا أُقْسِمُ بِالسَّفَاقِ ﴿١٦﴾ وَاللَّيْلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾ وَالْقَمَرِ إِذَا اتَّسَقَ ﴿١٨﴾ لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٍ ﴿١٩﴾ فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾ وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْءَانُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٢١﴾ بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُكْذِبُونَ ﴿٢٢﴾ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُوعُونَ ﴿٢٣﴾ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٢٥﴾

Kami untuk menerima balasan).

- (15) Bahkan (dia tetap kembali)! Sesungguhnya Tuhannya sentiasa Melihat (keadaannya).
- (16) Maka Aku bersumpah dengan mega merah (ketika senja).
- (17) Dan malam serta segala yang terhimpun.
- (18) Dan bulan apabila penuh cahayanya (menjadi purnama).
- (19) Kamu akan melalui peringkat demi peringkat.
- (20) Maka mengapakah mereka tidak mahu beriman?
- (21) Dan apabila dibacakan Al-Qur'an kepada mereka, mereka tidak mahu (taat dan) sujud?
- (22) Bahkan! Orang-orang kafir mendustakannya.
- (23) Dan Allah lebih mengetahui apa yang mereka simpan (dalam hati mereka).
- (24) Maka gembirakanlah mereka dengan azab yang pedih.
- (25) Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, untuk mereka ganjaran pahala yang tidak putus-putus.

- (1) Demi langit yang mempunyai gugusan bintang.
- (2) Dan hari (pembalasan) yang dijanjikan.
- (3) Dan yang menyaksikan dan yang disaksikan.
- (4) Dibunuh (celakalah) orang-orang yang menggali parit.
- (5) (Parit) api yang mempunyai bahan bakaran.
- (6) Ketika mereka duduk dikelilinginya.
- (7) Sedang mereka menyaksikan apa yang mereka lakukan kepada orang-orang yang beriman.
- (8) Dan mereka tidak marah (dan menyeksakan) orang-orang yang beriman itu melainkan kerana orang-orang itu beriman kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji.
- (9) (Tuhan) yang memliki kerajaan seluruh petala langit dan bumi. Dan Allah menyaksikan tiap-tiap sesuatu.
- (10) Sesungguhnya orang-orang yang memfitnahkan (dengan siksaan) orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman, kemudian mereka tidak bertaubat, maka untuk mereka azab neraka Jahannam dan untuk mereka azab api membakar.
- (11) Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; yang demikian itu ialah kemenangan yang besar.

- (12) Sesungguhnya balasan azab Tuhanmu amatlah keras.
- (13) Sesungguhnya Dialah yang memulakan (ciptaan) dan mengulangkan (hidup sesudah mati).
- (14) Dan Dialah yang Maha pengampun, lagi Maha Pengasih.
- (15) (Tuhan) yang mempunyai 'Arasy yang Maha mulia.
- (16) Yang (berkuasa) melakukan segala yang dikehendakiNya.
- (17) Adakah sudah sampai kepadamu (wahai Muhammad) cerita tentera (kaum yang menentang)?
- (18) (Mereka itu ialah kaum) Fir'aun dan Tsamud.
- (19) Bahkan orang-orang yang kafir itu terus mendustakan.
- (20) Dan Allah, dari belakang mereka, meliputi mereka.
- (21) Bahkan, dia adalah Al-Qur'an yang mulia.
- (22) Yang (tersimpan) di Lauh Mahfuz.

سُورَةُ الْبُرُوجِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الْبُرُوجِ ﴿١﴾ وَالْيَوْمِ الْمَوْعُودِ ﴿٢﴾ وَشَاهِدٍ وَمَشْهُودٍ ﴿٣﴾ قِيلَ أَصْحَابُ الْأَخْذُودِ ﴿٤﴾ النَّارِ ذَاتِ الْوَقُودِ ﴿٥﴾ إِذْ هُمْ عَلَيْهَا قُعُودٌ ﴿٦﴾ وَهُمْ عَلَى مَا يَفْعَلُونَ بِالْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ ﴿٧﴾ وَمَا نَقَمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَنْ يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿٨﴾ الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٩﴾ إِنَّ الَّذِينَ فَتَنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابٌ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابٌ الْحَرِيقِ ﴿١٠﴾ إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْكَبِيرُ ﴿١١﴾ إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٢﴾ إِنَّهُ هُوَ يَبْدِئُ وَيَعِيدُ ﴿١٣﴾ وَهُوَ الْغَفُورُ الْوَدُودُ ﴿١٤﴾ ذُو الْعَرْشِ الْمَجِيدُ ﴿١٥﴾ فَعَالٌ لِمَا يُرِيدُ ﴿١٦﴾ هَلْ أَنْتَ حَدِيثُ الْجُنُودِ ﴿١٧﴾ فِرْعَوْنُ وَثَمُودَ ﴿١٨﴾ بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي تَكْذِيبٍ ﴿١٩﴾ وَاللَّهُ مِنْ وَرَائِهِمْ مُحِيطٌ ﴿٢٠﴾ بَلْ هُوَ قُرْءَانٌ مَجِيدٌ ﴿٢١﴾ فِي لَوْحٍ مَحْفُوظٍ ﴿٢٢﴾

سُورَةُ الطَّارِقِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالسَّمَاءِ وَالطَّارِقِ ۝ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الطَّارِقُ ۝ النَّجْمُ الثَّاقِبُ ۝ (٢) إِنَّ كُلُّ
نَفْسٍ لَّمَّا عَلَيْنَهَا حَافِظٌ ۝ فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ مِمَّ خُلِقَ ۝ خُلِقَ مِنْ مَّاءٍ
دَافِقٍ ۝ (٦) يَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ الصُّلْبِ وَالتَّرَائِبِ ۝ (٧) إِنَّهُ وَعَلَى رَجْعِهِ لَمُقَادِرٌ ۝ (٨)
يَوْمَ تُبْلَى السَّرَائِرُ ۝ (٩) فَمَا لَهُ مِنْ قُوَّةٍ وَلَا نَاصِرٍ ۝ (١٠) وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الرَّجْعِ ۝ (١١)
وَالْأَرْضِ ذَاتِ الصَّدْعِ ۝ (١٢) إِنَّهُ لَقَوْلُ فَصْلٍ ۝ (١٣) وَمَا هُوَ إِلَّا نَزْلٌ ۝ (١٤) مِنْ سَمَاءٍ
يَكِيدُونَ كَيْدًا ۝ (١٥) وَأَكِيدُ كَيْدًا ۝ (١٦) فَمَهْلِكُ الْكَافِرِينَ أَهْمِلَهُمْ رُوَيْدًا ۝ (١٧)

سُورَةُ الْأَعْلَى

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سَبِّحْ أَسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى ۝ (١) الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى ۝ (٢) وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى ۝
(٣) وَالَّذِي أَخْرَجَ الْمَرْعَى ۝ (٤) فَجَعَلَهُ غُثَاءً أَحْوَى ۝ (٥) سَنُقَرِّثُكَ
فَلَا تَنْسَى ۝ (٦) إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّهُ يَعْلَمُ الْجَهْرَ وَمَا يَخْفَى ۝ (٧) وَنُيَسِّرُكَ
لِلْيُسْرَى ۝ (٨) فَذَكَرْ إِن نَفَعْتَ الذِّكْرَى ۝ (٩) سَيَذَكِّرُ مَنْ يَخْشَى ۝ (١٠)
وَيَنْجِنِبُهَا الْأَشْقَى ۝ (١١) الَّذِي يَصِلُ النَّارَ الْكُبْرَى ۝ (١٢) ثُمَّ لَا يَمُوتُ
فِيهَا وَلَا يَحْيَى ۝ (١٣) قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى ۝ (١٤) وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى ۝ (١٥)

- (1) Demi langit dan pendatang malam.
- (2) Dan tahukah engkau apa itu pendatang malam?
- (3) (Iaitu) bintang yang menembus (sinaran cahayanya).
- (4) Tiada sesuatu diri juapun melainkan ada penjaganya.
- (5) Maka hendaklah manusia memikirkan: dari apa dia diciptakan.
- (6) Dia diciptakan dari air yang memancut.
- (7) Yang keluar dari antara tulang sulbi dan tulang rusuk.
- (8) Sesungguhnya Dia (Allah) benar-benar Maha Kuasa untuk mengembalikannya (hidup semula sesudah mati).
- (9) Hari didedahkan segala rahsia.
- (10) Maka tiada baginya sebarang kekuatan dan tiada penolong.
- (11) Demi langit yang berulang-ulang (mencurahkan hujan).
- (12) Dan bumi yang merkah (dengan tumbuh-tumbuhan).
- (13) Sesungguhnya ia (Al-Quran) adalah benar-benar kata pemutus (antara hak dan batil).
- (14) Dan bukanlah dia kata-kata gurauan.
- (15) Sesungguhnya mereka (yang menentangmu) sungguh-sungguh membuat tipu-daya.
- (16) Dan Aku (Allah) juga sungguh-sungguh membuat tipu-daya.
- (17) Oleh itu biarkanlah orang-orang kafir itu, aku biarkan mereka bagi sedikit tempoh lagi.

(87) SURAH AL-A'LAA (Yang Maha Tinggi) Diturunkan di Mekah

- (1) Sucikanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi.
- (2) Yang telah mencipta serta menyempurnakan

(kejadiannya).

- (3) Dan Yang telah menentukan (mengatur) serta memberi petunjuk.
- (4) Dan Yang telah mengeluarkan tumbuh-tumbuhan.
- (5) Kemudian Dia menjadikannya kering yang dibawa oleh arus air hujan, kehitam-hitaman.
- (6) Kami akan membacakan kepadamu (Al-Quran) maka engkau tiada lupa.
- (7) Kecuali apa yang dikehendaki Allah, sesungguhnya Dia mengetahui yang nyata dan tersembunyi.
- (8) Dan Kami permudahkan engkau kepada kemudahan.
- (9) Maka berilah peringatan, jika peringatan itu berguna.
- (10) Orang yang takut (melanggar perintah Allah) akan menerima peringatan.
- (11) Dan (sebaliknya) orang yang celaka akan menjauhinya.
- (12) (Orang) yang tinggal dalam api neraka yang amat besar.
- (13) Kemudian dia tidak mati di dalamnya dan tidak pula hidup (senang).
- (14) Sesungguhnya telah berjaya orang yang membersihkan (dirinya dengan taat dan amal yang soleh).
- (15) Dan dia menyebut nama Tuhannya, serta mengerjakan solat.



(16) Bahkan kamu utamakan kehidupan dunia; *سُورَةُ الْغَاشِيَةِ*

(17) Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal.

(18) Sesungguhnya (keterangan-keterangan yang dinyatakan) ini benar-benar (disebutkan) di dalam kitab-kitab yang terdahulu.

(19) (Iaitu) kitab-kitab Nabi Ibrahim dan Nabi Musa.

(88) SURAH AL-GHAASYIYAH
(Yang Menyelubungi)
Diturunkan di Mekah

(1) Adakah sudah sampai kepadamu berita tentang perkara yang menyelubungi (hari kiamat)?

(2) Muka-muka pada hari itu tunduk (kerana merasa hina).

(3) Mereka menjalankan kerja yang berat lagi berpenat lelah.

(4) Mereka terbakar dalam neraka yang sangat panas.

(5) Mereka diberi minum dari mata-air yang sangat panas.

(6) Tiada makanan bagi mereka kecuali dari pokok yang berduri.

(7) Yang tidak menggemukkan, dan tidak pula dapat menghilangkan kelaparan.

(8) Muka-muka (orang-orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri.

(9) Berpuas hati dengan usahanya.

(10) Di dalam Syurga yang tinggi.

(11) Mereka tidak mendengar di situ perkataan yang sia-sia.

(12) Di dalamnya (Syurga) ada mata-air yang mengalir.

(13) Di dalamnya (Syurga) ada katil-katil (singgahsana) yang tinggi.

(14) Dan cawan-cawan yang terletak.

(15) Dan bantal-bantal yang tersusun.

(16) Dan hamparan-hamparan yang terbentang.

(17) Maka adakah mereka tidak melihat kepada unta, bagaimana ia diciptakan? (18) Dan kepada langit, bagaimana ia ditinggikan?

(19) Dan kepada gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan?

(20) Dan kepada bumi, bagaimana ia dihamparkan?

(21) Maka ingatkanlah (mereka), sesungguhnya engkau hanyalah seorang pemberi ingatan.

(22) Engkau bukanlah seorang yang berkuasa atas mereka.

(23) Kecuali sesiapa yang berpaling (dari hak) dan kufur.

(24) Maka Allah akan menyeksanya dengan azab seksa yang amat besar.

(25) Sesungguhnya kepada Kamilah kembalinya mereka.

(26) Kemudian, sesungguhnya atas Kami jugalah perhitungan mereka.

بَلْ تُؤْثِرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ۖ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَى ۗ إِنَّ هَذَا لَفِي الصُّحُفِ الْأُولَى ۗ صُحُفِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى ۗ

سُورَةُ الْغَاشِيَةِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْعَشِيَةِ ۗ ۱ وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ خَشِيعَةٌ ۗ ۲

عَامِلَةٌ نَّاصِبَةٌ ۗ ۳ تَصَلَّى نَارًا حَامِيَةً ۗ ۴ تُسْقَى مِنْ عَيْنٍ آيَةٍ ۗ ۵

لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرِيحٍ ۗ ۶ لَا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِي مِنْ جُوعٍ ۗ ۷

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاعِمَةٌ ۗ ۸ لِسْعِيهَا رَاضِيَةٌ ۗ ۹ فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ۗ ۱۰

لَا تَسْمَعُ فِيهَا لَغِيَةً ۗ ۱۱ فِيهَا عَيْنٌ جَارِيَةٌ ۗ ۱۲ فِيهَا سُرُرٌ مَرْفُوعَةٌ ۗ ۱۳


وَأَكْوَابٌ مَوْضُوعَةٌ ۗ ۱۴ وَمَنَارِقُ مَصْفُوفَةٌ ۗ ۱۵ وَزَرَابِيُّ مَبْثُوثَةٌ ۗ ۱۶

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ۗ ۱۷ وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ ۗ ۱۸

وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ۗ ۱۹ وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ۗ ۲۰

فَذَكِّرْ إِنَّمَا أَنْتَ مُذَكِّرٌ ۗ ۲۱ لَسْتَ عَلَيْهِمْ بِمُصَيِّرٍ ۗ ۲۲ إِلَّا مَنْ تَوَلَّى وَكَفَرَ ۗ ۲۳ فَيُعَذِّبُهُ اللَّهُ الْعَذَابَ الْأَكْبَرَ ۗ ۲۴

إِنَّ إِلَيْنَا إِيَابَهُمْ ۗ ۲۵ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا حِسَابَهُمْ ۗ ۲۶



- (1) Demi waktu fajar.
- (2) Dan malam-malam yang sepuluh.
- (3) Dan bilangan yang genap serta yang ganjil.
- (4) Dan malam, apabila ia berlalu.
- (5) Adakah (tidakkah) yang demikian itu satu sumpah bagi orang yang berakal?
- (6) Apakah tidak engkau lihat, bagaimana Tuhanmu telah melakukan terhadap kaum 'Aad (yang kufur derhaka)?
- (7) (laitu penduduk) "Iram" yang mempunyai (bangunan-bangunan yang tinggi) tiang-tiang.
- (8) Yang belum pernah diciptakan seperti di negeri.
- (9) Dan kaum Tsamud yang memahat batu di lembah?
- (10) Dan Fir'aun yang mempunyai bangunan-bangunan besar?
- (11) (laitu orang-orang) yang telah melampaui batas di negeri.
- (12) Maka mereka telah banyak melakukan kerusakan didalamnya (negeri itu).
- (13) Maka Tuhanmu mencurahkan ke atas mereka berbagai cemeti (jenis) azab.
- (14) Sesungguhnya Tuhanmu benar-benar mengawasi.
- (15) Maka, adapun manusia itu apabila diuji oleh Tuhannya, dengan dimuliakan dan dimewahkan hidupnya, dia akan berkata: "Tuhanku telah

memuliakan aku."

- (16) Dan adapun manusia itu apabila dia diuji oleh Tuhannya, dengan disempitkan rezekinya, maka dia berkata: "Tuhanku telah menghinakan aku,"
- (17) Jangan! Bahkan kamu tidak memuliakan anak yatim.
- (18) Dan kamu tidak menggalakkan (orang lain) untuk memberi makan kepada orang-orang miskin.
- (19) Dan kamu memakan harta pusaka secara rakus.
- (20) Dan kamu terlalu sangat cintakan harta.
- (21) Jangan! Apabila bumi digoncangkan segoncang-goncangnya.
- (22) Dan (perintah) Tuhanmu pun datang, dan malaikat berbaris-baris.
- (23) Dan didatangkan (diperlihatkan) neraka Jahannam pada hari itu, hari di mana manusia akan teringat (akan kesalahannya), dan bagaimana ingatan itu akan berguna lagi kepadanya?

(24) Dia akan berkata: "Alangkah baiknya kalau aku dahulu sediakan (amal-amal baik) untuk hidupku (di sini)."

(25) Maka pada hari itu tiada sesiapa yang dapat menyiksa seperti azabNya (Allah).

(26) Dan tiada sesiapa yang dapat mengikat seperti ikatanNya.

(27) Wahai orang yang mempunyai jiwa yang tenang. 27

(28) Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau redha lagi diredhai.

(29) Maka masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaKu.

(30) Dan masuklah ke dalam SyurgaKu.

(90) SURAH AL-BALAD
(Negeri)
Diturunkan di Mekah

(1) Aku bersumpah dengan negeri (Mekah) ini.

(2) Sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini.

(3) Dan (demi) bapa dan apa yang dia lahirkan.

(4) Demi sesungguhnya Kami telah cipta manusia dalam keadaan sentiasa menghadapi kesusahan.

(5) Adakah (manusia) menyangka bahawa tiada seorangpun yang dapat menguasainya?

(6) Dia berkata: "Aku telah habiskan harta benda yang banyak."

(7) Adakah dia menyangka bahawa tiada seorangpun yang melihatnya?

(8) Apakah tidak Kami telah menjadikan baginya dua mata?

(9) Dan lidah serta dua bibir?

(10) Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan?

(11) Maka (tetapi) manusia tidak menempuh 'Aqabah' (jalan pendakian yang sukar).

(12) Dan adakah engkau mengetahui apakah itu 'Aqabah'?

(13) Membebaskan hamba.

(14) Atau memberi makan pada hari kelaparan

(15) (Memberi makan kepada) anak yatim dari kaum kerabat.

(16) Atau orang miskin yang terlalu papa.

(17) Kemudian dia menjadi daripada orang-orang yang beriman dan berpesan-pesan dengan kesabaran serta berpesan-pesan dengan kasih sayang.

(18) Merekalah golongan pihak kanan (yang akan beroleh Syurga).

(19) Dan (sebaliknya) orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Kami, merekalah golongan celaka.

(20) Mereka ditimpakan (azab seksa) neraka yang ditutup rapat (supaya kuat bakarannya).

يَقُولُ يَلَيْتَنِي قَدَّمْتُ لِحَيَاتِي ﴿٢٤﴾ فَيَوْمَئِذٍ لَا يُعَذِّبُ عَذَابُهُ أَحَدًا ﴿٢٥﴾
وَلَا يُوثِقُ وَثَاقَهُ أَحَدًا ﴿٢٦﴾ يَأْتِيهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ أَرْجِعِي
إِلَىٰ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾ فَأَدْخِلِي فِي عَبْدِي ﴿٢٩﴾ وَأَدْخِلِي جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

سُورَةُ الْبَلَدِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَا أُقْسِمُ بِهَذَا الْبَلَدِ ﴿١﴾ وَأَنْتَ حِلٌّ بِهَذَا الْبَلَدِ ﴿٢﴾ وَوَالِدٍ وَمَا وَلَدَ
﴿٣﴾ لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي كَبَدٍ ﴿٤﴾ أَيَحْسَبُ أَنْ لَنْ يَقْدِرَ عَلَيْهِ
أَحَدٌ ﴿٥﴾ يَقُولُ أَهْلَكْتُ مَا لَا لُبَدًا ﴿٦﴾ أَيَحْسَبُ أَنْ لَمْ يَرَهُ أَحَدٌ
﴿٧﴾ أَلَمْ نَجْعَلْ لَهُ عَيْنَيْنِ ﴿٨﴾ وَلِسَانًا وَشَفَتَيْنِ ﴿٩﴾ وَهَدَيْنَاهُ
النَّجْدَيْنِ ﴿١٠﴾ فَلَا أَقْنَعُ الْعُقَبَةَ ﴿١١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعُقَبَةُ ﴿١٢﴾
فَكُ رِقَبَةً ﴿١٣﴾ أَوْ اطَّعِمْنِي فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ ﴿١٤﴾ يَتِيمًا إِذَا مَرَّ بِهٖ
﴿١٥﴾ أَوْ مَسْكِينًا إِذَا مَرَّ بِهٖ ﴿١٦﴾ ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَوَاصَوْا
بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ ﴿١٧﴾ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ ﴿١٨﴾ وَالَّذِينَ
كَفَرُوا أَبَايَيْنَا هُمْ أَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ ﴿١٩﴾ عَلَيْهِمْ نَارُ مُؤَصَّدَةٌ ﴿٢٠﴾

سُورَةُ الشُّعَرَاءِ



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ١
وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَّهَا ٢
وَالنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰهَا ٣
وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا ٤
وَالسَّمَاءِ وَمَا بَنَاهَا ٥
وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَاهَا ٦
وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ٧
فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ٨
قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ٩
وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ١٠
كَذَّبَتْ ثَمُودُ
بِطُغُونِهَا ١١
إِذِ انبَعَثَ أَشْقَاهَا ١٢
فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ
نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيَاهَا ١٣
فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهَا فَدَمْدَمَ
عَلَيْهِمْ رَبُّهُمْ بِذُنُوبِهِمْ فَسَوَّاهَا ١٤
وَلَا يَخَافُ عُقْبَاهَا ١٥

سُورَةُ اللَّيْلِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَىٰ ١
وَالنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ ٢
وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ٣
إِنْ سَعَيْكُمْ لَسِئَتِي ٤
فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ٥
وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ٦
فَسَنِيسِرُهُ لِلْيُسْرَىٰ ٧
وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ وَاسْتَغْنَىٰ ٨
وَكَذَّبَ بِالْحُسْنَىٰ ٩
فَسَنِيسِرُهُ لِلْعُسْرَىٰ ١٠
وَمَا يُغْنِي عَنْهُ مَالُهُ إِذَا تَرَدَّىٰ ١١
إِنَّ عَلَيْنَا
لَلْهُدَىٰ ١٢
وَإِنَّ لَنَا لِلْآخِرَةِ وَالْأُولَىٰ ١٣
فَأَنْذَرْتُكُمْ نَارًا تَلَظَّىٰ ١٤

- (1) Demi matahari dan cahayanya.
(2) Dan bulan apabila ia mengiringinya (matahari).
(3) Dan siang apabila ia meneranginya (matahari).
(4) Dan malam apabila ia menyelubunginya (matahari).
(5) Dan langit dan Yang membinanya.
(6) Dan bumi dan Yang menghamparkannya.
(7) Dan jiwa dan Yang menyempurnakan (kejadiannya).
(8) Maka dia mengilhamkannya kejahatannya dan taqwanya.
(9) Sesungguhnya telah berjaya orang yang mensucikannya (jiwanya).
(10) Dan sesungguhnya telah hampalah orang yang mengotorkannya (jiwanya).
(11) Kaum Tsamud telah mendustakan (Rasulnya) dengan sebab mereka melampau batas.
(12) Ketika bangkit orang yang paling celaka di antara mereka (untuk membunuh unta).
(13) Maka berkatalah Rasulullah (Nabi Soleh) kepada mereka: "(Janganlah kamu ganggu) unta betina milik Allah itu, dan (janganlah kamu menyekatnya dari mendapat) air minumannya."
(14) Lalu mereka mendustakannya dan menyembelih unta itu. Maka Tuhan mereka menghancurkan mereka dengan sebab dosa mereka dan meratakannya (dengan tanah).
(15) Dan Allah tidak takut akan akibatnya.

(92) SURAH AL-LAIL (Malam)

Diturunkan di Mekah

- (1) Demi malam apabila ia

menyelubungi.

- (2) Dan siang apabila ia menerangi.
(3) Dan Yang menciptakan (makhluk-makhlukNya) jantan dan betina.
(4) Sesungguhnya usaha kamu benar-benar berbagai-bagai.
(5) Maka adapun orang yang memberi (sedekah) dan bertaqwa.
(6) Dan dia membenarkan (perkara) yang baik.
(7) Maka Kami akan memudahkannya untuk kemudahan (mendapat kesenangan Syurga).
(8) Dan adapun orang yang bakhil dan merasa (dirinya) serba cukup.
(9) Dan dia mendustakan (perkara) yang baik.
(10) Maka Kami akan memudahkannya untuk kesusahan (mendapat kesengsaraan di Neraka).
(11) Dan tiada berguna hartanya apabila dia telah terjerumus (ke dalam azab seksa hari akhirat)?
(12) Sesungguhnya atas Kamilah urusan memberi hidayah.
(13) Yang akhir (hari akhirat) dan yang awal (dunia) benar-benar adalah kepunyaan Kami.
(14) Maka Aku telah memberi amaran kepada kamu akan api neraka yang menjulang-julang.

(15) Tidak akan tinggal didalamnya kecuali orang yang celaka.

(16) Yang telah mendustakan dan berpaling (dari kebenaran).

(17) Dan (sebaliknya) akan dijauhkan (azab neraka) itu daripada orang yang bertaqwa.

(18) Yang memberi (mendermakan) hartanya (untuk) mensucikan (harta dan dirinya).

(19) Dan tiada disisinya sebarang ni'mat yang (patut) dibalas dari seorangpun (apabila dia menderma).

(20) Kecuali dia mengharapkan keredhaan Tuhannya Yang Maha Tinggi.

(21) Dan sesungguhnya dia akan berpuas hati (pada hari akhirat, dengan mendapat segala yang diharapkannya).

(93) SURAH AD-DHUHA
(Waktu Dhuha)

Diturunkan di Mekah

(1) Demi waktu dhuha .

(2) Dan malam apabila dia sunyi sepi.

(3) Tuhanmu tidak meninggalkanmu dan tidak benci kepadamu.

(4) Dan sesungguhnya yang akhir (hari akhirat) adalah benar-benar lebih baik bagimu daripada yang awal (dunia).

(5) Dan Tuhanmu benar-benar akan memberimu (kejayaan dan kebahagiaan) sehingga engkau redha.

(6) Adakah tidak Dia mendapati engkau yatim piatu, lalu Dia melindungimu?

(7) Dan Dia dapati engkau sesat (mencari-cari jalan yang benar), lalu Dia memberikan hidayah?

(8) Dan Dia dapati engkau miskin, lalu Dia memberikan kekayaan?

(9) Maka adapun anak yatim maka janganlah engkau berlaku kasar.

(10) Dan adapun orang yang meminta maka janganlah engkau mengherdik.

(11) Dan adapun ni'mat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebutkan (zahirkan).

لَا يَصْلِيهَا إِلَّا الْأَشْقَى ﴿١٥﴾ الَّذِي كَذَّبَ وَتَوَلَّى ﴿١٦﴾ وَسَيَجْزِيهَا
الْأَنْفَى ﴿١٧﴾ الَّذِي يُؤْتِي مَالَهُ يَتَزَكَّى ﴿١٨﴾ وَمَا لِأَحَدٍ عِنْدَهُ مِنْ
نِعْمَةٍ تُجْزَى ﴿١٩﴾ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِ الْأَعْلَى ﴿٢٠﴾ وَلَسَوْفَ يَرْضَى ﴿٢١﴾

سُورَةُ الضُّحَىٰ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالضُّحَىٰ ﴿١﴾ وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ ﴿٢﴾ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾
وَلِلْآخِرَةِ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ﴿٤﴾ وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ
فَتَرْضَىٰ ﴿٥﴾ أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ ﴿٦﴾ وَوَجَدَكَ ضَالًّا
فَهَدَىٰ ﴿٧﴾ وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنَىٰ ﴿٨﴾ فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ
﴿٩﴾ وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا تَنْهَرْ ﴿١٠﴾ وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ﴿١١﴾

سُورَةُ الشَّرْحِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ ﴿١﴾ وَوَضَعْنَا عَنكَ وِزْرَكَ ﴿٢﴾ الَّذِي
أَنْقَضَ ظَهْرَكَ ﴿٣﴾ وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ﴿٤﴾ فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ
مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾ فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ ﴿٧﴾ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَبْ ﴿٨﴾

(94) SURAH AS-SYARH
(Lapang Dada)

Diturunkan di Mekah

(1) Adakah tidak Kami telah melapangkan bagimu dadamu?

(2) Dan Kami telah hilangkan daripadamu bebanmu.

(3) Yang memberatkan punggungmu.

(4) Dan Kami telah meninggikan bagimu sebutan namamu?

(5) Maka sesungguhnya disamping kesukaran ada kesenangan.

(6) Sesungguhnya disamping kesukaran ada kesenangan.

(7) Maka apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), bekerja-keraslah (mengerjakan amal soleh yang lain).

(8) Dan kepada Tuhanmu sahajalah engkau memohon.



سُورَةُ التِّينِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالَّذِينَ وَالزَّيْتُونَ ﴿١﴾ وَطُورِ سَيْنِينَ ﴿٢﴾ وَهَذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ ﴿٣﴾
لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ
إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٥﴾
فَمَا يَكْذِبُكَ بَعْدَ الْبَلَدَيْنِ ﴿٧﴾ أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَحْكَمَ الْحَاكِمِينَ ﴿٨﴾

سُورَةُ الْعَلَقِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَقْرَأَ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَلَمْ يَكُنْ أَكْرَمًا
أَلَمْ يَكُنْ أَكْرَمًا ﴿٢﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾ كَلَّا إِنَّ
الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنَافٍ ﴿٦﴾ أَنْ رَأَاهُ اسْتَعْجَلَنِي ﴿٧﴾ إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الرُّجُوعَ ﴿٨﴾ أَرَأَيْتَ
الَّذِي يَنْهَىٰ عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰ ﴿٩﴾ أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ عَلَىٰ الْهُدَىٰ ﴿١١﴾ أَوْ أَمَرَ
بِالتَّقْوَىٰ ﴿١٢﴾ أَرَأَيْتَ إِنْ كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٣﴾ أَلَمْ يَعْلَمِ بِأَنَّ اللَّهَ يَرَىٰ ﴿١٤﴾ كَلَّا لَئِنْ
لَمْ يَنْتَهِ لَنَسْفَعًا بِالنَّاصِيَةِ ﴿١٥﴾ نَاصِيَةٍ كَذِبَةٍ خَاطِئَةٍ ﴿١٦﴾ فليدع ناديه ﴿١٧﴾
سَنَدْعُ الزَّبَانِيَةَ ﴿١٨﴾ كَلَّا لَا نَطَعُهُ وَأَسْجُدْ وَاقْتَرِبْ ﴿١٩﴾

- (1) Demi buah Tin dan Zaitun.
- (2) Dan gunung Tur Sina.
- (3) Dan negeri (Mekah) yang aman ini.
- (4) Demi sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.
- (5) Kemudian Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah.
- (6) Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh ganjaran yang tanpa putus.
- (7) Maka apa pula yang dapat mendustakan engkau selepas itu dengan (kedatangan hari) pembalasan?
- (8) Bukankah Allah seadil-adil Hakim?

(96) SURAH AL-ALAQ
(Darah Beku)
Diturunkan di Mekah

- (1) Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan.
- (2) Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah.
- (3) Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah.
- (4) Yang telah mengajar (manusia) dengan (melalui) pena.
- (5) Dia telah mengajarkan manusia apa yang dia tidak tahu.
- (6) Sebenarnya! Sesungguhnya manusia benar-benar melampaui batas.
- (7) Bahawa dia melihat dirinya telah cukup.
- (8) Sesungguhnya kepada Tuhanmulah tempat kembali.
- (9) Adakah engkau melihat (baiknya) orang yang melarang.

- (10) Seorang hamba apabila dia mengerjakan sembahyang?
- (11) Adakah engkau melihat (buruknya) jika dia berada di atas hidayah (jalan yang benar)?
- (12) Atau dia menyuruh orang agar bertaqwa?
- (13) Adakah engkau melihat (terlepasnya dari azab) jika dia mendustakan dan berpaling (ingkar)?
- (14) Tidakkah dia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat?
- (15) Jangan (sekali-kali berlaku derhaka)! Jika dia tidak berhenti (dari perbuatannya yang buruk itu), nescaya Kami akan menyentap ubun-ubunnya.
- (16) Ubun-ubun (orang) yang berdusta, yang bersalah.
- (17) Kemudian panggillah kumpulannya (untuk menyelamatkannya).
- (18) Kami akan memanggil malaikat Zabaaniyah (untuk menyeksanya).
- (19) Jangan! Engkau jangan menurut (kehendaknya), dan (sebaliknya) sujudlah dan dekatkanlah (dirimu kepada Allah).



(97) SURAH AL-QADR
(Kemuliaan)
Diturunkan di Mekah

- (1) Sesungguhnya Kami telah turunkannya (Al-Qur'an) pada Lailatul Qadr.
- (2) Dan adakah engkau tahu apakah itu Lailatul Qadr?
- (3) Lailatul Qadr lebih baik daripada seribu bulan.
- (4) (Pada malam itu) malaikat dan Jibril turun dengan izin Tuhan mereka, untuk setiap urusan.
- (5) Sejahteralah ia (Malam itu) hingga terbit fajar.

(98) SURAH AL-BAYYINAH
(Keterangan Yang Jelas)
Diturunkan di Madinah

- (1) Orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) serta orang-orang musyrik, tidak meninggalkan (kepercayaan dan amalan masing-masing) sehingga datang kepada mereka keterangan yang jelas nyata.
- (2) (Iaitu) seorang Rasul dari Allah yang membacakan (kepada mereka) lembaran-lembaran suci.
- (3) Di dalamnya kitab-kitab (pelajaran-pelajaran) yang bernilai.
- (4) Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Kitab (Taurat dan Injil) itu, tidak berpecah-belah melainkan setelah datang kepada mereka keterangan yang jelas.
- (5) Dan mereka tidak diperintahkan melainkan untuk

سُورَةُ الْقَدْرِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾
 لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ نَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ
 فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَّمَ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

سُورَةُ الْبَيِّنَاتِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَمْ يَكُنِ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ مُنْفَكِينَ
 حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ الْبَيِّنَةُ ﴿١﴾ رَسُولٌ مِنَ اللَّهِ يَتْلُو صُحُفًا مُطَهَّرَةً ﴿٢﴾
 فِيهَا كُتُبٌ قِيمَةٌ ﴿٣﴾ وَمَا تَفَرَّقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ
 بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَةُ ﴿٤﴾ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ
 لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ
 الْقِيمَةِ ﴿٥﴾ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ
 فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾ إِنَّ
 الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾

menyembah Allah dengan mengikhlasakan agama (ibadat) kepadaNya, cenderung (kepada kebenaran), dan untuk mereka mendirikan solat serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Uagama yang lurus.

- (6) Sesungguhnya orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab dan orang-orang musyrik akan ditempatkan di dalam neraka Jahannam, mereka kekal di dalamnya. Mereka itulah sejahat-jahat makhluk.
- (7) Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk.

(8) Balasan mereka di sisi Tuhan mereka adalah Syurga-syurga 'Adn, yang mengalir dibawahnya beberapa sungai; mereka kekal abadi didalamnya; Allah redha akan mereka dan merekapun redha (bersyukur). (Balasan) yang demikian itu adalah untuk orang-orang yang takut Tuhannya.

جَزَاءُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ ۝٨

سُورَةُ الزَّلْزَلَةِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ۝١ وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ۝٢ وَقَالَ الْإِنْسَانُ مَا لَهَا ۝٣ يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا ۝٤ بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَى لَهَا ۝٥ يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِيُرَوْا أَعْمَلَهُمْ ۝٦ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ۝٧ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ۝٨

سُورَةُ الْجَارِاتِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَدِيدَاتِ ضُبْحًا ۝١ فَالْمُورِبَاتِ قَدْحًا ۝٢ فَالْمُغِيرَاتِ صُبْحًا ۝٣ فَأَثَرْنَ بِهِ نَقْعًا ۝٤ فَوَسَطْنَ بِهِ جَمْعًا ۝٥ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنُودٌ ۝٦ وَإِنَّهُ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ۝٧ وَإِنَّهُ لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ۝٨

(99) SURAH AL-ZALZALAH
(Goncangan)
Diturunkan di Madinah

- (1) Apabila bumi digoncangkan dengan goncangan yang dahsyat.
- (2) Dan bumi itu mengeluarkan bebannya (isinya).
- (3) Dan berkatalah manusia: "Mengapa bumi (sebegini)?"
- (4) Pada hari itu (bumi) menceritakan khabar beritanya.
- (5) Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (berlaku demikian).
- (6) Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) - untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) amal-amal mereka.
- (7) Maka sesiapa yang buat kebaikan seberat habuk, nescaya dia akan melihatnya.
- (8) Dan sesiapa yang buat kejahatan seberat habuk, nescaya dia akan melihatnya.

(100) SURAH AL-AADIYAAT
(Yang Berlari Laju)
Diturunkan di Mekah

- (1) Demi (kuda perang) yang tangkas berlari dengan kedengaran nafasnya ketika berlari. 1

- (2) Dan mencetuskan bunga api dari hentakan kakinya (apabila berlari di atas batu).
- (3) Dan menyerbu musuh pada waktu pagi.
- (4) Lalu ia menerbangkan debu.
- (5) Lalu ia berada di tengah-tengah kumpulan (musuh).
- (6) Sesungguhnya manusia benar-benar kufur (tidak bersyukur akan ni'mat) Tuhannya.
- (7) Dan sesungguhnya dia benar-benar menyaksikan atas (kekufurannya) tersebut.
- (8) Dan sesungguhnya dia benar-benar sangat cintakan harta.
- (9) Maka tidakkah dia mengetahui (bagaimana keadaan) apabila dibongkarkan segala yang ada dalam kubur?



(10) Dan dikumpul serta didedahkan segala yang terpendam dalam dada?

سُورَةُ التَّكْوِيْنِ

سُورَةُ الْقَارِعَةِ

الجزء الثلاثون

(11) Sesungguhnya Tuhan mereka pada hari tersebut amat Mengetahui tentang (keadaan) mereka.

(101) SURAH AL-QAARIAH
(Yang Menggemparkan)
Diturunkan di Mekah

- (1) Hari yang menggemparkan.
- (2) Apa dia hari yang menggemparkan?
- (3) Dan adakah engkau mengetahui apakah itu hari yang menggemparkan?
- (4) Hari manusia menjadi seperti kelakatu yang bertebaran.
- (5) Dan gunung-ganang menjadi seperti bulu yang berterbangan.
- (6) Maka barangsiapa yang berat timbangannya.
- (7) Maka dia berada dalam kehidupan yang diredhai (senang-lenang).
- (8) Dan barangsiapa yang ringan timbangannya.
- (9) Maka tempat kembalinya ialah "Haawiyah".
- (10) Dan adakah engkau tahu apakah dia itu (Haawiyah)?
- (11) (Haawiyah itu ialah): api yang panas.

(102) SURAH AT-TAKAATHUR
(Memperbanyak)
Diturunkan di Mekah

- (1) Kamu telah dilalaikan (dengan sifat berlumba-lumba) memperbanyak (hiasan dunia).
- (2) Sehingga kamu menziarahi (masuk) kubur.
- (3) Jangan (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui.
- (4) Kemudian jangan (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui.
- (5) Jangan (bersikap demikian)! Kalau kamu mengetahui (apa yang kamu akan hadapi) dengan pengetahuan yang yaqin.
- (6) Nescaya kamu akan melihat neraka.
- (7) Kemudian, nescaya kamu akan melihat dengan pandangan yang yaqin.
- (8) Kemudian, nescaya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala ni'mat.

وَحُصِّلَ مَا فِي الصُّدُورِ ۝ إِنَّ رَبَّهُمْ بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌ ۝

سُورَةُ الْقَارِعَةِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

۞ الْقَارِعَةُ ۞ ۝ ۱ ۞ مَا الْقَارِعَةُ ۞ ۝ ۲ ۞ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْقَارِعَةُ ۞ ۝ ۳ ۞
 ۞ يَوْمَ يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْثُوثِ ۞ ۝ ۴ ۞ وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ الْمَنْفُوشِ ۞ ۝ ۵ ۞ فَأَمَّا
 مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ ۞ ۝ ۶ ۞ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ ۞ ۝ ۷ ۞ وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ ۞ ۝ ۸ ۞ فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ ۞ ۝ ۹ ۞
 ۞ وَمَا أَدْرَاكَ مَا هِيَ ۞ ۝ ۱۰ ۞ نَارُ حَامِيَةٍ ۞ ۝ ۱۱ ۞

سُورَةُ التَّكْوِيْنِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

۞ أَلْهَنَكُمْ التَّكَاثُرُ ۞ ۝ ۱ ۞ حَتَّى زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ۞ ۝ ۲ ۞ كَلَّا سَوْفَ
 تَعْلَمُونَ ۞ ۝ ۳ ۞ ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ۞ ۝ ۴ ۞ كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ
 عِلْمَ الْيَقِينِ ۞ ۝ ۵ ۞ لَتَرَوُنَّ الْجَحِيمَ ۞ ۝ ۶ ۞ ثُمَّ لَتَرَوُنَّهَا
 عَيْنَ الْيَقِينِ ۞ ۝ ۷ ۞ ثُمَّ لَتَسْأَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ النَّعِيمِ ۞ ۝ ۸ ۞

(103) SURAH AL-ASR
(Masa)
Diturunkan di Mekah

- (1) Demi Masa.
- (2) Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian.
- (3) Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

(104) SURAH AL-HUMAZAH
(Pengumpat)
Diturunkan di Mekah

- (1) Kecelakaan bagi tiap-tiap pengumpat, pencela.
- (2) Yang mengumpulkan harta dan menghitungnya.
- (3) Dia menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya.
- (4) Tidak sekali-kali! Sesungguhnya dia akan dihamburkan ke dalam Al-Hutamah (5) Dan adakah engkau mengetahui apakah itu Al-Hutamah?

- (6) (Al-Hutamah) ialah api Allah yang dinyalakan.
- (7) Yang naik menjulang ke hati-hati.
- (8) Sesungguhnya ia (neraka itu) ditutup rapat atas mereka.
- (9) (Mereka terikat di situ) pada tiang-tiang yang panjang.

(105) SURAH AL-FIIL
(Gajah)
Diturunkan di Mekah

- (1) Tidakkah engkau melihat (mengetahui) bagaimana Tuhanmu melakukan kepada pasukan tentera gajah (yang

hendak meruntuhkan Ka'bah)?

- (2) Tidakkah Dia (Allah) telah menjadikan tipu daya mereka dalam kegagalan?
- (3) Dan Dia telah menghantarkan atas mereka burung berbondol-bondol.
- (4) Ia melontar mereka dengan tanah yang sudah menjadi batu.
- (5) Lalu Dia menjadikan mereka (hancur) seperti daun-daun yang dimakan (ulat).

(1) Kerana kebiasaan kaum Quraisy.

(2) Kebiasaan mereka (menjalankan) pelayaran (perniagaan) pada musim sejuk dan pada musim panas.

(3) Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan (pemilik) rumah (Ka'bah) ini.

(4) Yang memberi mereka makan (untuk menghilangkan) dari kelaparan, dan mengaman-kan mereka dari ketakutan.

(107) SURAH AL-MAAUUN
(Pertolongan)
Diturunkan di Mekah

(1) Tidakkah engkau melihat orang yang mendustakan uga-ma?

(2) Itulah orang yang menol-ak (menzalimi) anak yatim.

(3) Dan dia tidak mengga-lakkan (orang lain) untuk mem-beri makan kepada orang miskin.

(4) Maka kecelakaan bagi orang-orang yang bersolat.

(5) (laitu) mereka yang lalai daripada solat mereka.

(6) Mereka yang menunjuk-nunjuk (riyak).

(7) Dan menahan dari mem-beri pertolongan (dalam bentuk perkakas yang kecil).

(108) SURAH AL-KAUTSAR
(Nikmat yang banyak)
Diturunkan di Mekah

(1) Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) ni'mat yang banyak.

(2) Oleh itu, kerjakanlah solat kerana Tuhanmu, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).

(3) Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, dialah yang terputus (dari rahmat).

سُورَةُ قُرَيْشٍ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَا يَلْفِ قُرَيْشٍ ۝١ إِيَّاهُمْ رِحْلَةَ الْشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ
 ۝٢ فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ۝٣ الَّذِي أَطْعَمَهُمْ
 مِّنْ جُوعٍ وَآمَنَهُمْ مِّنْ خَوْفٍ ۝٤

سُورَةُ الْمَائِدَةِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالْإِيمَانِ ۝١ فَذَلِكَ الَّذِي
 يَدْعُ الْيَتِيمَ ۝٢ وَلَا يَحْضُ عَلَىٰ طَعَامِ الْمَسْكِينِ ۝٣
 فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ۝٤ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ
 ۝٥ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ۝٦ وَيَمْنَعُونَ الْمَاعُونَ ۝٧

سُورَةُ الْبَكْرَةِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْبَكْرَةَ ۝١ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرِ ۝٢
 إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ۝٣

سُورَةُ الْكَافِرُونَ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ يَتَّيَبُهَا الْكٰفِرُونَ ﴿١﴾ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾
 وَلَا أَنْتُمْ عٰبِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٣﴾ وَلَا أَنَا عٰبِدُ مَا عٰبَدْتُمُ ﴿٤﴾
 وَلَا أَنْتُمْ عٰبِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٥﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

سُورَةُ النَّصْرِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴿١﴾ وَرَأَيْتَ النَّاسَ
 يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ﴿٢﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ
 وَأَسْتَغْفِرْ لَهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ﴿٣﴾

سُورَةُ الْمَسَدِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ﴿١﴾ مَا أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُ وَمَا
 كَسَبَ ﴿٢﴾ سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ﴿٣﴾ وَأَمْرَاتُهُ
 حَمَالَةَ الْحَطَبِ ﴿٤﴾ فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ﴿٥﴾

- (1) Katakanlah: Wahai orang-orang kafir. 1
- (2) Aku tidak menyembah apa yang kamu sembah.
- (3) Dan kamu bukan penyembah apa yang aku sembah.
- (4) Dan aku bukan penyembah apa kamu sembah.
- (5) Dan kamu bukan penyembah apa aku sembah.
- (6) Bagi kamu agama kamu, dan bagiku ugamaku.

(110) SURAH AN-NASR
(Kemenangan)
Diturunkan di Madinah

- (1) Apabila telah datang pertolongan Allah dan pembukaan (Kota Mekkah dengan kemenangan).
- (2) Dan engkau telah melihat manusia masuk dalam agama Allah berduyun-duyun.
- (3) Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepadaNya, sesungguhnya Dia Maha menerima taubat.

(111) SURAH AL-MASAD
(Tali yang dipintal)
Diturunkan di Mekah

- (1) Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab, dan binasa dia.
- (2) Hartanya dan segala yang diusahakannya, tidak dapat me-

nolongnya.

- (3) Dia akan tinggal dalam api neraka yang marak menjulang.
- (4) Dan isterinya pembawa kayu api.
- (5) Di lehernya ada tali, dari tali-tali yang dipintal.

(112) SURAH AL-IKHLAS
(Tauhid yang sebersihnya)
Diturunkan di Mekah

- (1) Katakanlah (wahai Muhammad): Dia Allah Yang Esa.
- (2) Allah tempat memohon.
- (3) Dia tiada beranak, dan Dia tidak diperanakkan;

(113) SURAH AL-FALAQ
(Sekalian makhluk)
Diturunkan di Madinah

- (1) Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berindung dengan Tuhan yang empunya waktu Subuh.
- (2) Dari kejahatan (makhluk) yang Dia cipta.
- (3) Dan dari kejahatan malam apabila ia gelap gelita.
- (4) Dan dari kejahatan penghembus-penghembus pada ikatan-ikatan.
- (5) Dan dari kejahatan pendengki apabila dia mendengar.

(114) SURAH AN-NAAS
(Manusia)
Diturunkan di Madinah

- (1) Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berindung dengan Tuhan empunya manusia.

- (2) Raja manusia.
- (3) Tuhan manusia.
- (4) Dari kejahatan bisikan (syaitan) yang bersembunyi.
- (5) Yang membisikkan di dalam dada-dada (hati) manusia.
- (6) (laitu pembisik) dari kalangan jin dan manusia.

سُورَةُ الْاِخْلَاصِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝١ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝٢ لَمْ يَكِدْ
وَلَمْ يُولَدْ ۝٣ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝٤

سُورَةُ الْفَلَقِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ۝١ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝٢ وَمِنْ
شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ۝٣ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي
الْعُقَدِ ۝٤ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ۝٥

سُورَةُ النَّاسِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ۝١ مَلِكِ النَّاسِ ۝٢ إِلَهِ
النَّاسِ ۝٣ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ۝٤ الَّذِي
يُوسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ۝٥
مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ۝٦